

NOTIS PRIVASI

Notis Perlindungan Data Peribadi (“Notis”) ini dikeluarkan selaras dengan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta” atau “PDPA”) bagi mengawal selia pengumpulan dan pemprosesan Data Peribadi anda (seperti yang ditakrifkan di sini) oleh **Beshom Holdings Berhad** dan anak-anak syarikatnya (dirujuk sebagai “BESHOM”, “Syarikat”, “kami” atau “kita”) sebagai pengawal data. Bagi maksud Notis bertulis ini, istilah “data peribadi” dan “pemprosesan” hendaklah mempunyai maksud sebagaimana yang ditetapkan dalam PDPA.

1. JENIS DATA PERIBADI

Adalah mungkin diperlukan untuk mengumpul atau meperoleh data peribadi daripada anda semasa urusan anda dengan BESHOM atau bagi tujuan aktiviti perniagaan yang berkaitan. Data peribadi tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, umur, nombor kad pengenalan, nombor passport, nombor TIN, alamat, jantina, tarikh lahir, status perkahwinan, maklumat pasangan/anak, pekerjaan, profesion, jawatan, butiran hubungan seperti alamat surat-menyurat, nombor telefon atau mudah alih, nombor faks, butiran kad kredit, nombor akaun bank, alamat e-mel, maklumat majikan, bangsa, kewarganegaraan, tandatangan, imej (termasuk gambar), maklumat dalam format audio dan/atau video, rakaman kamera litar tertutup (“CCTV”), rakaman keselamatan, serta data lain yang diperlukan bagi tujuan pengumpulan melalui saluran berikut:

- (a) Laman sesawang BESHOM dan laman pihak ketiga yang berkaitan dengan BESHOM;
- (b) Platform e-dagang Syarikat dan/atau anak syarikatnya;
- (c) Borang elektronik;
- (d) Borang fizikal;
- (e) E-mel; dan/atau
- (f) Media sosial serta platform komunikasi lain.

(“Data Peribadi”).

2. PERSETUJUAN ANDA

Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda mengakui bahawa anda telah membaca, memahami dan menerima Notis ini serta bersetuju dengan pemprosesan data peribadi sebagaimana yang diuraikan di sini. Sekiranya anda telah mendedahkan data peribadi pihak ketiga kepada kami, anda menjamin dan mengesahkan bahawa anda telah memperoleh persetujuan mereka untuk BESHOM memproses data tersebut menurut terma dalam Notis ini.

3. TUJUAN PENGUMPULAN

Data peribadi anda dikumpul dan diproses oleh BESHOM sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang dan bagi melaksanakan transaksi komersial yang anda minta, termasuk yang berikut:

- (a) Berkomunikasi dengan anda melalui surat, panggilan telefon, SMS, WhatsApp, e-mel, buletin, Portal Ahli dan lain-lain bentuk komunikasi;
- (b) Menyediakan perkhidmatan kepada anda dalam skop perniagaan kumpulan;
- (c) Penyelenggaraan pangkalan data pelanggan dan proses berkaitan khidmat pelanggan;
- (d) Penilaian kelayakan pembekal, pengesahan identiti atau kedudukan kewangan melalui semakan rujukan kredit atau penilaian konflik kepentingan yang mungkin timbul daripada pembekalan produk/perkhidmatan kepada BESHOM;
- (e) Tujuan bil dan kewangan, termasuk kutipan/pembayaran (dan semua transaksi yang berkaitan), perakaunan dan percukaian;
- (f) Menjawab pertanyaan anda;
- (g) Mengurus penyertaan anda dalam acara, latihan, aktiviti dan program syarikat;
- (h) Pengumpulan tinjauan dan/atau soal selidik;
- (i) Menyediakan maklumat syarikat mengenai produk, perkhidmatan, acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan komersial yang mungkin menarik minat anda, melainkan anda memaklumkan bahawa anda tidak membenarkan kami memproses data anda untuk tujuan tersebut;
- (j) Tujuan penyelidikan dan inovasi produk serta perkhidmatan;
- (k) Penyimpanan dan analitik data;
- (l) Penambahbaikan produk dan perkhidmatan kami;
- (m) Menghantar ucapan perayaan, mesej khas atau komunikasi serupa;
- (n) Mematuhi kewajipan undang-undang atau garis panduan atau kod industri yang berkaitan.

4. PENDEDAHAN DATA PERIBADI

Dengan ini anda bersetuju dan memberi kebenaran kepada BESHOM untuk memberikan, mendedahkan, berkongsi atau memperlihatkan Data Peribadi kepada kelas pengguna berikut:

- (a) Anak syarikat atau syarikat berkaitan kumpulan BESHOM, termasuk entiti masa hadapan;
- (b) Agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pembekal utiliti, pihak berkuasa berkanun, agensi penguatkuasaan undang-undang atau pengawal selia industri atau pihak berkuasa lain jika diwajibkan untuk melaksanakan fungsi regulatori atau berhubung arahan/keputusan mahkamah;
- (c) Pekerja, juruaudit, perunding, akauntan, peguam, syarikat insurans, pengurus pengurusan dan penasihat profesional BESHOM;
- (d) Pembekal perkhidmatan atau produk yang dilantik oleh BESHOM; dan
- (e) Institusi kewangan bagi tujuan memudahkan pembayaran dan/atau penyimpanan rekod kewangan berkaitan urusan perniagaan atau kontrak antara BESHOM dengan anda dan/atau syarikat anda.

5. HAK ANDA SEBAGAI SUBJEK DATA

- (a) Sebagai seorang individu, anda berhak meminta akses kepada data peribadi anda yang disimpan oleh Syarikat. Permintaan tersebut hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengawal Data yang dilantik. Walaupun Syarikat mengambil segala usaha yang munasabah untuk memastikan data peribadi anda kekal tepat dan terkini, anda diminta untuk memaklumkan kepada kami dengan segera sebarang perubahan pada maklumat peribadi anda. Jika anda percaya mana-mana data peribadi anda adalah tidak tepat, anda berhak untuk meminta agar data tersebut diperbetulkan. Selain itu, anda juga boleh meminta agar data peribadi anda disekat atau dipadam sekiranya ia telah diproses secara tidak sah, tertakluk kepada mana-mana kehendak undang-undang atau peraturan yang berkuatkuasa.
- (b) Jika anda ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang cara menghadkan pemprosesan data peribadi anda, menarik balik persetujuan anda, meminta sekatan pemprosesan data (tertakluk kepada sebarang asas undang-undang bagi pengekalan data), atau meminta pemindahan data peribadi anda yang dibenarkan kepada organisasi lain dalam format yang serasi dan boleh-dibaca mesin, atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut atau ingin mengemukakan aduan mengenai data peribadi anda, anda boleh menghubungi Pegawai PDP BESHOM di pdp@beshom.com atau hubungi khidmat pelanggan di info@beshom.com atau melalui faks: 03-33428285.

6. KESELAMATAN DATA

Kami telah melaksanakan langkah-langkah fizikal, teknikal dan organisasi yang munasabah untuk melindungi data peribadi anda daripada kehilangan secara tidak sengaja, serta akses tanpa kebenaran, penggunaan, pengubahan atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang. Langkah-langkah ini termasuk menghadkan akses kepada data peribadi hanya kepada kakitangan yang diberi kuasa melalui kelayakan pengguna yang terkawal, membatalkan akses apabila terdapat perubahan status perkerjaan, mengekalkan keselamatan fizikal di lokasi penyimpanan data, serta menggunakan alatan keselamatan siber seperti perisian anti-virus dan sistem sandaran. Penggunaan dan pemindahan data peribadi melalui media boleh alih atau perkhidmatan awan adalah dikawal ketat, tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan kanan, dan dijalankan selaras dengan undang-undang perlindungan data peribadi yang berkuat kuasa. Semua aktiviti akses dan pemindahan direkod dan dipantau, dan mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam pemprosesan data peribadi adalah terikat secara kontrak untuk memastikan kerahsiaan data serta pematuhan terhadap kewajipan perlindungan data yang berkaitan.

7. PENYIMPANAN DATA

Kami akan menyimpan data peribadi anda selaras dengan Notis Privasi ini dan/atau terma perjanjian anda dengan BESHOM atau anak syarikatnya sepanjang tempoh hubungan anda dengan kami. Selepas itu, data anda mungkin disimpan untuk tempoh yang dianggap perlu untuk melindungi kepentingan sah BESHOM dan/ atau anak syarikat, untuk mematuhi keperluan undang-undang, serta menurut dasar-dasar berkaitan BESHOM atau bagi tujuan data tersebut dikumpul pada asalnya, sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki dibawah undang-undang yang terpakai.

8. PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE LUAR MALAYSIA

Sebarang data peribadi yang anda berikan kepada kami akan dilindungi dengan tahap keselamatan tertinggi selaras sepenuhnya dengan PDPA. Adalah mungkin perlu bagi kami untuk memindah data peribadi anda ke luar Malaysia sekiranya mana-mana penyedia perkhidmatan atau rakan perniagaan kami terlibat dalam menyediakan sebahagian daripada perkhidmatan di luar Malaysia. Dengan ini, anda bersetuju dan memberi kebenaran kepada kami untuk memindahkan data peribadi anda ke luar Malaysia dalam keadaan sedemikian. Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan penyedia perkhidmatan atau rakan perniagaan kami tidak menggunakan data peribadi anda untuk sebarang tujuan selain untuk menyediakan perkhidmatan yang telah dipersetujui bersama kami serta memastikan data peribadi anda dilindungi dengan secukupnya. Sebagai sebahagian daripada penyediaan perkhidmatan yang melibatkan pemindahan data peribadi anda ke luar Malaysia, kami akan memastikan tahap perlindungan yang mencukupi telah dilaksanakan untuk menjaga keselamatan data peribadi anda.

9. LAMAN SESAWANG

(a) Pautan ke Laman Web Lain

Untuk meningkatkan pengalaman pelayaran anda, laman web kami mungkin menyediakan pautan ke laman web pihak ketiga yang dikendalikan oleh organisasi atau agensi tempatan dan/atau antarabangsa. Sila ambil perhatian bahawa sebaik sahaja anda meninggalkan laman web kami dan mengakses laman web pihak ketiga, dasar privasi laman web pihak ketiga tersebut akan digunakan. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap amalan privasi mereka.

(b) Kuki

Apabila anda melayari laman web kami, fail data kecil yang dikenali sebagai kuki mungkin disimpan dalam pelayar anda. Kuki ini mungkin mengandungi maklumat tentang anda, peranti anda, atau pilihan anda, dan digunakan terutamanya untuk memastikan laman web berfungsi sebagaimana yang dimaksudkan serta memberikan pengalaman pengguna yang lebih baik. Anda boleh mengawal tetapan kuki melalui pelayar anda pada bila-bila masa.

(c) Data peribadi yang diberikan oleh subjek data

Apabila menggunakan perkhidmatan dalam talian kami, anda mungkin perlu memberi data peribadi bagi tujuan seperti pendaftaran akaun, pengesahan identiti, dan pemasaran. Semua data peribadi yang dikumpulkan akan dilindungi sebagai sangat sulit. Sebarang penggunaan data anda selain daripada tujuan yang disenaraikan dalam perkara 3 atau bagi tujuan khusus hanya akan dijalankan dengan persetujuan anda terlebih dahulu.

10. PERUBAHAN NOTIS PRIVASI

Kami berhak untuk mengubah, mengemas kini atau meminda terma dalam Notis ini pada bila-bila masa dengan meletakkan versi terkini di laman web kami. Anda digalakkan untuk menyemak semula Notis Privasi ini dari semasa ke semasa bagi membolehkan anda menyetahui sebarang perubahan yang dibuat dengan merujuk kepada tarikh kuat kuasa yang dinyatakan di bawah.

11. KONFLIK

Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu Notis Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Notis Privasi ini kali terakhir dikemaskini pada 31 Disember 2025.